

Ambil pendahuluan Akaun 1 KWSP sehingga RM60,000

Skop i-Sinar diperluas bantu ahli terkesan pandemik

Oleh Alzahrin Alias, Hazwan Faisal Mohamad dan Latifah Arifin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memperluaskan skop i-Sinar dengan membenarkan ahli yang hilang pekerjaan, diberi cuti tanpa gaji atau tiada sumber pendapatan kesan pandemik COVID-19 mengambil pendahuluan 10 peratus dari Akaun 1.

Secara umum, ahli yang layak boleh mengakses pendahuluan berkenaan daripada amaun simpanan mereka, tertakluk kepada baki minimum RM100 dalam akaun berkenaan.

Ahli mempunyai baki di bawah RM90,000 dibenarkan mengambil pendahuluan sehingga RM9,000, sementara yang memiliki baki melebihi RM90,000 tertakluk kepada had maksimum RM60,000.

Pendahuluan itu akan dikreditkan secara berkala sehingga tempoh enam bulan. Ahli yang layak boleh mengemukakan permohonan bermula bulan depan.

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Tunku Alizakri Alias, menjelaskan, pendahuluan pertama adalah sehingga RM4,000 bagi ahli dengan simpanan bawah RM90,000 atau RM10,000 bagi ahli dengan simpanan atas RM90,000.

“Sebanyak dua juta ahli akan menerima manfaat ini dengan anggaran RM14 bilion. Pengkreditan pertama akan bermula pada Januari 2021. Amaun pendahuluan ini dikreditkan secara berkala sehingga enam bulan bermula pada tarikh pertama pengkreditan.

“Jumlah yang diberikan itu perlu dibayar semula apabila mereka sudah mendapat pekerjaan dan mula kembali mencarum. Caruman baharu itu akan dikreditkan 100 peratus ke dalam Akaun 1 sehingga amaun pendahuluan itu digantikan semula.

“Selepas itu, caruman akan kembali ke kadar pecahan asal, iaitu 70 peratus bagi Akaun 1 dan 30 peratus bagi Akaun 2,” katanya dalam taklimat khas, di sini semalam.

Katanya, untuk menentukan amaun diperlukan bagi permohonan di bawah i-Sinar dan memastikan kelangsungan hidup semasa krisis, ahli digalag mendapatkan nasihat kewangan me-

lalui Pegawai Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) KWSP atau Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Sementara itu, Tunku Alizakri menegaskan, kemudahan pendahuluan pengeluaran i-Sinar dan beberapa langkah lain yang diambil KWSP sebelum ini akan terus memberikan implikasi kepada pelaburannya.

Katanya, ia akan menyebabkan KWSP kehilangan peluang pelaburan yang tinggi, iaitu sekitar RM50 bilion hingga RM60 bilion dan sukar untuk membuat pelaburan bagi pihak ahli.

Beliau menjelaskan, pengeluaran pendahuluan i-Sinar dijangka menggunakan antara RM11 bilion hingga RM15 bilion, manakala i-Lestari, iaitu pengeluaran Akaun 2 sekitar RM30 bilion.

“Jumlah amaun KWSP yang terjejas turut membabitkan langkah pengurangan kadar caruman daripada 11 peratus kepada 9 peratus pada 2021, iaitu sekitar RM9 bilion, selain pengurangan kadar

caruman tahun ini bermula 27 Februari lalu kepada 7 peratus, iaitu sekitar RM8 bilion.

“Ini mengakibatkan ahli KWSP yang tidak terjejas kehilangan potensi dividen tambahan yang dapat kita berikan. Bagaimanapun, pada masa sama, kita tidak boleh pentingkan diri, perlu jalankan tanggungjawab sebagai sebahagian daripada komuniti.

“Kita mesti mencairkannya pada seluruh aset yang berbeza. Ahli KWSP perlu memikirkan kesannya kepada pasaran saham, kecairan yang perlu dalam pasaran modal. Jadi, KWSP mempunyai impak yang besar.

“Apabila kita menolong ahli, kita juga memberi kesan kepada ahli lain yang tidak terkesan. KWSP tidak dapat menjangkakan kadar pemberian dividen kepada ahli, tetapi tetap akan memberikan dividen,” katanya.

Menasihatkan ahli agar tidak terburu-buru menggunakan pendahuluan i-Sinar sebelum menyepak keperluan mereka, beliau mengingatkan, pengeluaran simpanan persaraan adalah perkara terakhir perlu dibuat ahli selepas menerima bantuan kewangan lain disediakan kerajaan.

Lantaran itu, katanya, i-Sinar hanya diberikan kepada ahli kehilangan pekerjaan, diberi cuti tanpa gaji atau tiada sumber pendapatan.

“Saya percaya, pasti ramai yang bertanya bagaimana dengan mereka yang berdepan potongan gaji. Secara teorinya, mereka masih ada pendapatan. Apa yang kami lakukan ketika ini adalah membantu ahli yang benar-benar mahukan bantuan disebabkan COVID-19,” katanya.

SIMPANAN AKAUN 1 RM90,000 DAN KE BAWAH

- Maksimum sehingga RM9,000 (tertakluk kepada baki simpanan minimum RM100)
- Pendahuluan bulan pertama maksimum hingga RM4,000

SIMPANAN AKAUN 1 LEBIH RM90,000

- 10% daripada simpanan (tertakluk kepada amaun maksimum RM60,000)
- Pendahuluan bulan pertama maksimum hingga RM10,000

CONTOH

Baki Akaun 1	Amaun pendahuluan dibenarkan	Baki Akaun 1	Amaun pendahuluan dibenarkan
RM4,500	RM4,400	RM100,000	RM10,000
RM10,000	RM9,000	RM500,000	RM50,000
RM70,000	RM9,000	RM800,000	RM60,000